

22 DEC 2002

Mahathir-Mesyuarat/I

MESYUARAT KABINET TIDAK RASMI MALAYSIA-THAILAND UNIK, KATA DR M

HAADYAI, 22 Dis (Bernama) -- Mesyuarat Kabinet Tidak Rasmi Thai-Malaysia, gagasan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, unik dan produktif bagi kedua-dua kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, walaupun mesyuarat itu adalah tidak rasmi tetapi intipatinya benar dan berkaitan dengan hubungan antara kedua-dua negara.

"Saya mempunyai perbincangan baik bersama Perdana Menteri Thaksin dalam pertemuan empat mata. Kami menyentuh banyak bidang tetapi pada ketika ini saya tidak mahu membuat apa-apa pengumuman khas," kata beliau dalam sidang media bersama di akhir Mesyuarat Tidak Rasmi Kabinet selama setengah hari di sini.

Kerajaan Thailand diwakili oleh seluruh Kabinetnya sementara hanya Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak hadir dalam barisan Kabinet Malaysia.

Turut serta dalam delegasi Malaysia ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Dr Mahathir menambah kata beliau dan Thaksin banyak mencapai persefahaman dan percaya dapat menyelesaikan banyak masalah antara kedua-dua negara dalam tempoh terdekat.

Kesemua perbincangan yang diadakan di sini, termasuk "mesyuarat sofa" antara Menteri-menteri diadakan secara tertutup. Difahamkan topik-topik perbincangan menyentuh keganasan, keselamatan merentasi sempadan, sumber manusia, pembangunan pertanian dan cadangan saluran paip sepanjang 366km dari Teluk Siam hingga ke Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat bahawa mesyuarat ini yang pertama seumpamanya di dunia, banyak berhasil dan membuka laluan untuk hubungan dua hala yang lebih mesra antara kedua-dua negara.

"Ia unik dan saya berpendapat ia akan meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau berharap lebih banyak pertemuan seperti itu akan diadakan di masa depan dalam suasana dan persekitaran yang sama seperti mesyuarat Kabinet tidak rasmi hari ini.

Dr Mahathir berkata ia menunjukkan satu hubungan istimewa yang dikongsi oleh Malaysia dan Thailand.

"Anda mungkin menyedari yang saya sedang duduk di hadapan bendera Thailand sementara Perdana Menteri Thaksin duduk di hadapan bendera Malaysia. Biasanya ini dilarang dan kita tidak boleh membuatnya.

Kesemua ini salah dan mereka yang bertanggungjawab bagi protokol sekarang ini berpeluh," katanya secara berseloroh.

Dr Mahathir berkata beliau berharap pertemuan seperti ini dapat diadakan bersama anggota-anggota lain Asean.

"Mungkin Malaysia dan Thailand adalah dua negara yang boleh mendahului atau menjadi contoh kepada negara-negara lain mengenai bagaimana dua negara berjiran boleh bekerjasama demi kebaikan bersama," katanya.

Sementara bersependapat dengan Dr Mahathir yang pertemuan itu adalah juga untuk mencari penyelesaian kepada beberapa isu dua hala yang lama tertangguh. Thaksin berkata konsep mesyuarat Kabinet tidak rasmi boleh perkukuhkan Asean dan boleh menguntungkan rakyatnya.

"Kami percaya dapat bekerjasama lebih baik dengan cara ini, lebih cekap dalam menyelesaikan masalah kita.

Saya berharap di masa depan, menteri-menteri dan pegawai-pegawai kita boleh bersembang dengan lebih bebas melalui telefon.

-- BERNAMA

MFJ PR